

Seramai 100 anak-anak yatim dari Pusat Jagaan Penyayang Nur Iman, Setapak, Pusat Kebajikan Amal Rukaiyah, Kajang dan Pertubuhan Anak Yatim Darul Aminan, Seremban, Negeri Sembilan menyertai aktiviti lawatan sambil belajar anjuran AIA PUBLIC Takaful Bhd (AIA PUBLIC Takaful), baru-baru ini.

Diiringi 20 sukarelawan daripada syarikat berkenaan, anak-anak yatim berusia tujuh hingga 17 tahun itu diraihan dengan aktiviti riadah serta pembelajaran yang santai.

Ia sebagai sebahagian daripada program Kongsi Rezeki, sebuah inisiatif komuniti syarikat itu yang dilancarkan pada 2021 dengan kerjasama Malaysian Relief Agency.

Sesi lawatan sambil belajar berkenaan dimulakan dengan

lawatan ke Aquaria, KLCC, di mana anak-anak yatim dapat mengenali dan meningkatkan pengetahuan mereka mengenai hidupan laut serta darat.

Selain itu, mereka turut dibawa ke Menara AIA untuk menonton tayangan filem di samping menikmati hidangan tengah hari.

Mengulas mengenai lawatan itu, Ketua Pegawai Eksekutif AIA PUBLIC Takaful, Elmie Aman Najas berkata, program Kongsi Rezeki diperkenalkan dengan tumpuan terhadap kesejahteraan dan pengayaan komuniti, terutama kesejahteraan fizikal dan mental kanak-kanak yang kurang bernasib baik.

Kata beliau, ia sememangnya suatu

## Menceriakan hari 100 anak-anak yatim



KANAK-kanak dari tiga rumah anak yatim bersama-sama sukarelawan AIA PUBLIC Takaful.

yang menggembirakan apabila dapat melihat kanak-kanak berkenaan bergembira dan bersemangat menyertai setiap aktiviti yang dijalankan bersama sukarelawan.

"Kami yakin bahawa

sesi lawatan sambil belajar seperti ini bukan sahaja dapat menceriakan hari mereka, malah turut memberikan pengalaman yang bermakna kepada zaman kanak-kanak mereka.

"Justeru, kami berbesar

hati kerana dapat memberi kanak-kanak ini peluang dan pengalaman yang dapat meningkatkan kesejahteraan mental serta kemahiran sosial mereka.

"Selain itu, ia juga dapat membantu memupuk kesedaran mengenai

kepentingan menjaga alam semula jadi dan alam sekitar," katanya.

Ketiga-tiga rumah anak yatim yang terbabit antara 10 penerima manfaat di bawah program Kongsi Rezeki.

Melalui fasa program yang berbeza, rumah anak-anak yatim berkenaan turut menerima sumbangan lain seperti komputer riba baharu, kelengkapan tempat tinggal seperti katil dan tilam serta barangan keperluan harian yang bernilai RM420,000.

Program Kongsi Rezeki adalah sebahagian daripada kempen Penyala Harapan AIA PUBLIC Takaful yang memperkukuhkan komitmen dan hasrat syarikat dalam menyokong komuniti merealisasikan harapan dan impian mereka untuk mencapai Kehidupan yang Lebih Sihat, Berpanjangan dan Bermakna.